

01/01/2004

Selamat datang musim perubahan

Mustapa Omar

TAHUN 2003 adalah tahun orang di seluruh dunia begitu sibuk. Mereka sibuk bersiap, berperang dan bermimpi mengenai perubahan. Tentera Amerika Syarikat dan sekutunya mencerooboh Iraq untuk memburu Saddam Hussein dan membawa perubahan kepada rakyatnya. Selepas ribuan nyawa terkorban, mereka menemui Saddam dalam sebuah lubang labah-labah dan menahannya tanpa melawan. Apabila sudah puas mempamerkan kejayaan mereka, berita mengenai Saddam tidak lagi didengar.

Rakyat Iraq yang dibuai mimpi perubahan dijaja Amerika akhirnya terjaga dan harapan untuk menikmati keamanan, kebebasan serta kestabilan menjadi semakin jauh. Setiap hari bumi Iraq dibasahi darah. Mereka membunuh dan terbunuh. Walaupun perang sudah lama tamat, jumlah rakyat Iraq dan tentera Amerika yang menjadi korban terus meningkat.

Kini tentera Amerika mungkin sedang sibuk pula memeriksa lubang labah-labah di Afghanistan untuk mencari seorang lagi mangsa mereka - Osama bin Laden.

Saddam dan Osama adalah 'monster' ciptaan Amerika untuk kepentingan mereka dan tidak hairan jika keadaan Presiden George W Bush semakin terdesak untuk mempertahankan jawatannya pada pemilihan presiden akhir tahun ini, mereka tiba-tiba akan menemui Osama dalam keadaan tidak berdaya, menahannya dan mempamerkan kepada dunia kejayaan mereka.

Itulah Amerika, negara adikuasa itu boleh merancang dan melakukan apa yang mereka mahu. Mereka tidak pernah rasa bersalah dan mereka tidak mengenal erti kalah.

Pilihan raya Presiden Amerika semakin hampir dan populariti Bush masih belum pulih. Dasar luarnya, terutama tindakan mencerooboh Iraq dan sokongannya terhadap Israel mendapat tentangan, termasuk di kalangan rakyatnya sendiri.

Calon lain yang berhasrat menentangnya untuk jawatan presiden kini giat mendedahkan kelemahan Bush dan dasar yang dilaksanakannya.

Ketika tentera Amerika dan sekutunya sibuk memburu dan membunuh apa yang mereka dakwa pengganas, tentera Israel pula meneruskan kekejaman dan penindasan di Palestin.

Nyawa rakyat Palestin seolah-olah langsung tidak berharga. Seperti juga rakyat Iraq, mereka akhirnya terus membunuh dan terbunuh. Kegagalan Amerika menyelesaikan isu Palestin bermakna keganasan tidak akan berakhir dan konflik Asia Barat terus menuntut korban.

Di rantau sebelah sini, rakyat Indonesia juga sedang sibuk bersiap menghadapi pilihan raya umum kira-kira tiga bulan lagi. Senarai calon 24 parti yang bertanding sudah disiapkan dan mereka yang dipilih nanti akan berpeluang menentukan siapakah Presiden Indonesia seterusnya.

Malah, calon presiden juga cukup ramai untuk bersaing dengan Megawati Sukarnoputri yang sudah pasti mempertahankan jawatannya.

Apa yang menarik, beberapa stesen TV dan surat khabar di negara itu sudah awal-awal lagi memilih presiden melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Ternyata tahun depan rakyat Indonesia akan mempunyai dua presiden - satu dipilih melalui pilihan raya dan satu lagi melalui SMS. Bezanya presiden SMS hanya dipilih oleh tidak sampai satu peratus pengundi Indonesia, itupun jika semua pemilik telefon bimbit menyertainya. Mungkin SMS hanya sesuai untuk melakukan gallop poll (banci pendapat).

Di Amerika, gallop poll sudah lama diperkenalkan untuk mengetahui

populariti seseorang calon. Malah, pada pilihan raya presiden 1996, Bob Dole, calon Republikan bukan dikalahkan oleh Bill Clinton daripada Demokrat, sebaliknya yang mengalahkan Dole adalah pasukan gallop pollnya sendiri.

Hasil gallop poll juga yang membuatkan Bush kini semakin bimbang kerana keputusan tidak memihak kepadanya.

Selain Indonesia, 2004 juga akan melihat perubahan kepemimpinan di Singapura. Goh Chok Tong ternyata mengikut jejak Tun Dr Mahathir Mohamad apabila beliau menetapkan lebih awal tempoh untuknya mengundurkan diri, selain menamakan timbalannya sekarang, Lee Hsien Loong, yang juga anak bekas Perdana Menteri, Lee Kuan Yew, sebagai pengganti.

Ketika berucap pada sambutan Hari Kebangsaan republik itu Ogos lalu, Goh mengumumkan hasratnya untuk mengundur diri tahun ini dan Ahad lalu beliau mengesahkan akan meletak jawatan pada akhir suku pertama tahun ini, dua tahun lebih awal sebelum pilihan raya umum pada 2007.

Menurut Goh, pengunduran diri lebih cepat dan terancang itu bertujuan memberikan kesempatan kepada penggantinya untuk membuktikan kemampuannya sebelum menghadapi pilihan raya umum. Ternyata formula Dr Mahathir sudah mendapat tempat, sekurang-kurangnya menjadi model kepada pemimpin Singapura.

Selain perang dan pembunuhan, sepanjang tahun lalu juga pelbagai bencana menimpa dunia. Kebakaran besar di California, banjir di Asia Selatan serta kemarau di Afrika, ancaman virus Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) melanda China, Taiwan, Singapura dan Vietnam serta 26 negara lain menyebabkan lebih 900 orang maut, manakala yang terbaru gempa bumi di Iran yang dianggarkan memakan hampir 50,000 korban.

Ternyata Tuhan ingin menguji ketabahan kita dalam menghadapi cubaan-Nya. Jika pada 2003 ramai yang bermimpi mengenai perubahan, tahun ini mereka mungkin terjaga untuk menerima perubahan atau terus kekal bersama kisah lama.

Dunia dan kenyataan memang berubah dengan cepat, malah terlampau cepat bagi orang yang terlena jiwanya dengan kenikmatan masa lampau. Tahun 2003 tidak akan berulang dan akan terus tinggal kenangan. Selamat datang 2004.